



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Penyeludup guna kenderaan pendaftaran Malaysia beli diesel

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengesan taktik licik penyeludup warga asing menipu menggunakan nombor pendaftaran negara ini pada kenderaan untuk membeli minyak diesel.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, kegiatan itu dikesan di Kuala Nerang pada 16 Ogos lalu hasil aduan awam dan risikan penguat kuasa KPDN Alor Setar.

Katanya, sebuah trak pikap sedang mengisi diesel di stesen minyak berkenaan dan kemudian bergerak ke bahagian belakang premis itu.

"Pemantauan mendapati pemilik kenderaan itu bertindak licik dengan

menukarkan nombor pendaftaran tempatan yang disyaki palsu itu kepada nombor pendaftaran asal kenderaan berkenaan iaitu nombor pendaftaran asing selepas mengisi minyak di stesen berkenaan.

"Penguat kuasa menyerbu kenderaan itu dan pemeriksaan menemukan diesel yang disimpan dalam tangki ubah suai.

"Seorang wanita warga negara Thailand berusia 40-an yang memandu

kenderaan pikap itu ditahab untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Muhammad Nizam berkata, pemeriksaan susulan terhadap stesen minyak berkenaan dan berdasarkan cetakan resit jualan mendapati stesen minyak itu menjual 273 liter diesel dalam satu transaksi kepada kenderaan itu.

Beliau berkata, ia sekali gus melanggar arahan pengawal bekalan berhu-

"Penguat kuasa menyerbu kenderaan itu dan pemeriksaan menemukan diesel yang disimpan dalam tangki ubah suai"

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin



WANITA warga Thailand ditahan KPDN Kedah kerana disyaki menggunakan nombor pendaftaran palsu Malaysia semata-mata untuk membeli minyak diesel di Malaysia.

bung had penjualan kepada kenderaan berpendaftaran tempatan dalam satu hari.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan mana-mana orang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta untuk individu atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya.

Beliau berkata, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan syarikat pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Tipu nombor plat kenderaan beli diesel, wanita Thailand ditahan



Wanita Thailand ini ditahan KPDN Kedah kerana menggunakan nombor pendaftaran palsu semata-mata untuk membeli minyak diesel.

PADANG TERAP - Taktik licik seorang wanita warga Thailand yang menggunakan nombor pendaftaran kenderaan Malaysia demi mendapatkan minyak diesel bersubsidi terbongkar selepas diserbu oleh pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Kuala Nerang.

Dalam kejadian pada Sabtu, wanita berusia lingkungan 40-an itu dikesan memandu sebuah pikap jenis Isuzu D-Max yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan palsu ketika mengisi diesel di sebuah stesen minyak di sini.

Menurut Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin, hasil risikan dan aduan awam membawa kepada pemantauan rapi sebelum pasukan serbuan bertindak menahan kenderaan terbabit.

"Selepas selesai mengisi minyak, kenderaan itu dilihat bergerak ke bahagian belakang stesen dan menukar semula nombor pendaftaran kepada nombor asal berdaftar di Thailand," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan tersebut telah diubah suai dengan tangki khas untuk menyimpan diesel dalam jumlah besar.

Sebanyak 273 liter minyak disyaki diesel berjaya disita dengan nilai RM791.73 bersama resit pembelian dan dokumen perniagaan.

Turut disita ialah kenderaan pikap terbabit dengan nilai keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah RM30,791.73.

Muhammad Nizam berkata, siasatan turut dijalankan terhadap stesen minyak berkenaan selepas didapati menjual diesel melebihi had yang dibenarkan dalam satu transaksi, sekali gus melanggar Arahan Pengawal Bekalan.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MyIPO aiming for forward-looking legal framework

**From
page
13**

IP ecosystem that not only protects creators but also fosters innovation and safe-guards public interest," she added.

She emphasised that MyIPO's long-term vision is to establish a forward-looking legal framework that maintains robust intellectual property rights in the era of AI, thereby ensuring Malaysia's competitiveness in the global innovation economy.

The conference, themed "Owning the Future – IP in the Age of AI", brought together policymakers, legal experts, researchers, academics, industry leaders, and other stakeholders to examine how AI is reshaping intellectual property protection both domestically and internationally.

Discussions centred on pressing issues, including the recognition of machine-generated works, the role of AI in patent and design creation, and the continued protection of human works in a rapidly evolving technological environment.

The dialogue also served as a platform to bridge the gap between existing laws and emerging technologies, laying the ground-work for resilient IP policies that can withstand fast-paced change.

For the wider public, the outcomes of the dialogue are expected to influence how people create, trade, and use digital content.

Whether as designers, writers, entrepreneurs, or consumers, the policy directions shaped through this initiative will determine how intellectual property rights and protections for creative works and innovations are upheld in the future.

Globally, AI and IP have become central policy concerns.

The World Intellectual Property Organization (Wipo), through its Wipo Conversation series, has convened stakeholders worldwide to examine opportunities and challenges arising from AI.

While some countries are considering legal recognition of AI-generated works, others insist that IP protection should remain grounded in human contribution.

MylIPO pushes for stronger IP framework amid AI challenges

■ BY **JOHN GILBERT**
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Intellectual Property Corporation of Malaysia (MylIPO) is intensifying its efforts to shape future policies and legislation that address the growing challenges posed by artificial intelligence (AI) in the intellectual property landscape.

MylIPO said its priority, as the custodian of intellectual property rights in Malaysia, is to strike a balance between protecting the rights of creators and safeguarding public interest, while ensuring that the country's IP framework remains progressive, resilient, and aligned with global technological developments.

MylIPO deputy director general (operations) Yusnieza Syarmila Yusoff said the rapid adoption of AI has raised new questions about ownership and accountability in the creative and innovation space.

"Currently, IP laws recognise human creators through protection under copyright, patents, trademarks, and related rights.

"However, with the increasing use of AI in generating content, inventions, and designs, the critical issue is determining who owns the rights when a creation is produced entirely by a machine.

"Without clear ownership, it becomes difficult to take legal action in cases of infringement," she said at the National Dialogue on Intellectual Property and Artificial Intelligence yesterday.

Yusnieza said this challenge has prompted MyIPO to initiate broader discussions on how Malaysia's IP legislation can evolve to remain relevant.

"The aim is to assess whether current laws are sufficiently comprehensive, and to consider whether new provisions, exceptions, or limitations are required – particularly concerning fair use and digital applications of IP.

"By driving national dialogue and engaging with industry players, academics, and policy-makers, MyIPO seeks to build an

See
page 14



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 OGOS 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Aug	MyIPO teliti pindaan undang-undang IP selaras penggunaan AI	https://www.tvsarawak.my/2025/08/18/myipo-teliti-pindaan-undang-undang-ip-selaras-penggunaan-ai	TVS
19-Aug	Permohonan harta intelek tempatan terus meningkat – MyIPO	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/permohonan-harta-intelek-tempatan-terus-meningkat-%E2%80%93-myipo	RTM
19-Aug	Permohonan harta intelek tempatan meningkat	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/permohonan-harta-intelek-tempatan-meningkat	UTUSAN
19-Aug	Current IP laws may not be equipped to deal with rising use of AI in arts, says MyIPO	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/18/current-ip-laws-may-not-be-equipped-to-deal-with-rising-use-of-ai-in-arts-says-myipo	THE STAR
19-Aug	Tipu plat kenderaan beli diesel subsidi, wanita Thailand dicekup	https://www.sinarharian.com.my/article/743967/berita-semasa/tipu-plat-kenderaan-beli-diesel-subsidi-wanita-thailand-dicekup	SINAR HARIAN
19-Aug	Warga asing tipu nombor plat kenderaan beli diesel	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1434489/warga-asing-tipu-nombor-plat-kenderaan-beli-diesel	BERITA HARIAN
19-Aug	Sanggup guna plat palsu beli diesel, wanita Thailand ditahan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1253527/sanggup-guna-plat-palsu-beli-diesel-wanita-thailand-ditahan	HARIAN METRO

19-Aug	Tipu nombor plat kenderaan beli diesel, wanita warga Thai ditahan	https://www.buletintv3.my/nasional/tipu-nombor-plat-kenderaan-beli-diesel-wanita-warga-thai-ditahan/	TV3
19-Aug	Wanita Thailand ditahan cuba seludup diesel di Kedah	https://thesun.my/cerita/berita/wanita-thailand-ditahan-cuba-seludup-diesel-di-kedah-DC14706173	THE SUN
19-Aug	Kedah authorities bust diesel smuggling attempt by Thai woman in modified pickup	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/18/kedah-authorities-bust-diesel-smuggling-attempt-by-thai-woman-in-modified-pickup/188018	MALAYMAIL
19-Aug	Tipu nombor pendaftaran untuk beli diesel	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/tipu-nombor-pendaftaran-untuk-beli-diesel	UTUSAN
19-Aug	Kedah KPDN arrests Thai woman for diesel smuggling in Kuala Nerang	https://malaysiacorner.com/story/kedah-kpdn-arrests-thai-woman-for-diesel-smuggling-in-kuala-nerang-r95956875	MALAYSIA CORNER
19-Aug	KPDN Kedah tahan wanita warga Thailand cuba seludup diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-tahan-wanita-warga-thailand-cuba-seludup-diesel	ASTRO AWANI
19-Aug	Kedah KPDN arrests Thai woman for diesel smuggling in Kuala Nerang	https://thesun.my/malaysia-news/kedah-kpdn-arrests-thai-woman-for-diesel-smuggling-in-kuala-nerang-MC14706318	THE SUN
19-Aug	Thai woman caught using fake plate to buy subsidised diesel in Kedah	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1261507/thai-woman-caught-using-fake-plate-buy-subsidised-diesel-kedah	NST
19-Aug	PGA tumpas cubaan seludup gula, minyak masak ke Thailand	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pga-tumpas-cubaan-seludup-gula-minyak-masak-ke-thailand	RTM

19-Aug	PGA Sarawak tumpas sindiket seludup, rampas kayu balak dan diesel bernilai RM4.85 juta	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pga-sarawak-tumpas-sindiket-seludup.-rampas-kayu-balak-dan-diesel-bernilai-rm4-85-juta	RTM
19-Aug	MHO gesa SSM, PDRM campur tangan isu pelaburan GRR	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1434733/mho-gesa-ssm-pdrm-campur-tangan-isu-pelaburan-grr	BERITA HARIAN
19-Aug	Kedah KPDN Apprehends Thai Woman for Diesel Smuggling	https://malaysiantribune.com/kedah-kpdn-apprehends-thai-woman-for-diesel-smuggling/	MALAYSIAN TRIBUNE
19-Aug	MyIPO pushes for stronger IP legal framework amid AI challenges	https://thesun.my/business-news/myipo-pushes-for-stronger-ip-legal-framework-amid-ai-challenges-OD14712194	THE SUN